



KENYATAAN MEDIA

PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PERJALANAN KELUAR DAN MASUK NEGARA SEMASA FASA AWAL ENDEMIK

Bandar Seri Begawan, Rabu, 29 Disember 2021

Merujuk kepada Kenyataan Media Jabatan Perdana Menteri pada hari Rabu, 22 Disember 2021, Jawatankuasa Pandu COVID-19 sukacita dengan ini memaklumkan mengenai sukat-sukat tambahan pada garis panduan bagi perjalanan keluar dan masuk negara semasa Fasa Awal Endemik:

1. Mengambilkira keadaan COVID-19 pada masa sekarang, khususnya peningkatan kes-kes di beberapa buah negara dan ancaman varian Omicron, Jawatankuasa Pandu COVID-19 memutuskan untuk mengeluarkan semua negara buat sementara waktu daripada senarai *Travel Green List* yang telah diperkenankan sebelum ini. Oleh itu, tidak ada negara yang diletakkan di dalam *Travel Green List* yang akan bermula pada 1hb., Januari, 2022.
2. Sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam, setiap individu adalah dipersyaratkan untuk menjalani ujian RT-PCR dalam tempoh 48 jam sebelum berlepas dari negara asal, tanpa memerlukan ujian ART (*Antigen Rapid Test*).
3. Setiap individu juga adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri mandatori di hotel-hotel yang dibenarkan sahaja. Setiap perjalanan masuk adalah dikehendahaki untuk menjalani ujian ART sebaik sahaja tiba di negara ini dan juga menjalani ujian RT-PCR pada hari ke-5 selepas tiba, di Kompleks Sukan, Hospital RIPAS.
4. Perjalanan keluar negara mustahak (*essential*) adalah dibenarkan bagi rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang telah menerima dua (2) dos vaksinasi COVID-19 dalam tempoh 14 hari hingga 3 bulan (dan bukan lagi 6 bulan) sebelum berlepas atau yang telah menerima dos penggalak.



5. Warganegara asing yang berhasrat untuk membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam atas sebab-sebab mustahak adalah masih diperlukan untuk mendapatkan kebenaran *Entry Travel Pass*. Manakala bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk membuat perjalanan keluar negeri atas urusan mustahak adalah dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran *Exit Travel*. Garis panduan dan borang-borang permohonan atas talian boleh didapati di laman sesawang Jabatan Perdana Menteri.

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu COVID-19 dari masa ke semasa. Bagi pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi talian **120** atau e-mel kepada travelapplication@jpm.gov.bn (bagi perjalanan keluar negeri) dan infoentrytravel@immigration.gov.bn (bagi permohonan *Entry Travel Pass*).

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

24 Jamadilawal 1443
29 Disember 2021



MEDIA STATEMENT

UPDATED GUIDELINES FOR INBOUND AND OUTBOUND TRAVEL DURING THE EARLY ENDEMIC PHASE

Bandar Seri Begawan, Wednesday, 29th December 2021

In reference to the Media Statement released by the Prime Minister's Office on Wednesday, 22nd December 2021, the Steering Committee for COVID-19 would like to announce the updated measures on the guidelines for inbound and outbound travel during the Early Endemic Phase:

1. Taking into consideration the current COVID-19 situation, particularly the rise of cases in several countries and the threat of the Omicron variant, the Steering Committee for COVID-19 has agreed to temporarily omit all countries from the Travel Green List. In this regard, there will be no countries placed in the Travel Green List from 1st January 2022.
2. Before entering Brunei Darussalam, all individuals are required to undergo an RT-PCR test 48 hours prior to departure from country of origin, without the need to undergo Antigen Rapid Test (ART).
3. All individuals are also required to undergo mandatory self-isolation at designated hotels only. All inbound travellers are required to undergo an ART test upon arrival in the country as well as an RT-PCR test on the fifth day post-arrival, at Sports Complex, RIPAS Hospital.
4. Essential outbound travel is allowed for citizens and permanent residents of Brunei Darussalam who have received two (2) doses of COVID-19 vaccination within 14 days to 3 months (and no longer 6 months) prior to departure or for those who have received a booster dose.
5. Foreigners who wish to enter Brunei Darussalam for essential purposes are still required to obtain Entry Travel Pass approval. Meanwhile, for citizens and residents of Brunei Darussalam who wish to exit the country for essential matters are required to obtain exit-travel approval. Guidelines and online application forms can be found on the Prime Minister's Office website.



The conditions for the consideration of entry and exit travel mentioned above are subject to review by the Steering Committee for COVID-19 from time to time. For further inquiries, please contact the hotline at **120** or e-mail travelapplication@jpm.gov.bn (for Exit Travel applications) dan infoentrytravel@immigration.gov.bn (for Entry Travel Pass approvals).

PRIME MINISTER'S OFFICE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

24 Jamadilawal 1443
29th December 2021